

bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa aku adalah Rasulullah, yang akan masuk neraka atau dimakan api neraka.” Kata Anas: “Hadis ini sangat mengagumkanku. Kerana itu kusuruh anakku menuliskannya, lalu dituliskannya.”¹³⁶

بَابُ بَيَانِ عَدَدِ شُعَبِ الْإِيمَانِ وَأَفْضَلِهَا وَأَدْنَاهَا وَفَضِيلَةِ الْحَيَاءِ وَكَوْنِهِ مِنَ الْإِيمَانِ

*Bab Menyatakan Bilangan Cabang-Cabang Iman, Cabang Yang Paling Utama Dan Paling Rendah Dan Bab Kelebihan Malu. Malu Adalah Sebahagian Daripada Iman.*¹³⁷

٣٠ - عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْإِيمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُونَ أَوْ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لَا

إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَدْنَاهَا إِمَاطَةُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ

30 - Abi Hurairah meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: “Iman itu mempunyai lebih tujuh puluh atau lebih enam puluh cabang.”¹³⁸ Cabang yang paling

¹³⁶ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadith ini ialah: (1) Harus mendoakan keburukan dan kebinasaan ke atas orang Munafiq. (2) Boleh mengambil berkat dengan tempat orang baik. (3) Orang alim, orang besar, orang atasan atau pemimpin boleh melawat para pengikut dan orang bawahannya di samping mendoakan keberkatan untuk mereka. (4) Harus meminta orang yang mulia mendoakan kebaikan untuk diri kita sendiri atau orang lain. (5) Keharusan bersembahyang sunat secara berjama'ah kerana di dalam riwayat lain ada disebutkan Nabi s.a.w telah mengimami penghuni rumah tersebut. (6) Boleh bercakap dan berbincang di sekitar orang yang sedang bersembahyang selagi tidak mengganggu, menghilangkan khusus dan mengalihkan perhatian dan tumpuannya. (7) Tetamu boleh menjadi imam kepada tuan rumah dengan kerelaan tuan rumah sendiri. (8) Boleh memberitahu pemimpin atau ketua tentang orang yang diragui untuk peringatan. (9) Boleh menulis hadiths dan juga ilmu-ilmu agama yang lain. (10) Membuat perkara yang utama dan penting dahulu, kemudian disusuli dengan yang kurang penting. Di dalam hadiths ini, Nabi s.a.w bersembahyang dahulu kemudian baru makan. Ia tersebut di dalam hadiths ini menerusi saluran riwayat yang lain. Didalam hadiths Nabi s.a.w melawat Ummu Sulaim pula, beliau makan dahulu kemudian, baru bersembahyang. Didalam hadiths ini, perkara utama ialah sembahyang kerana 'Itbaan mengajak beliau untuk bersembahyang. Didalam hadiths Ummu Sulaim pula, beliau mengajak Nabi s.a.w untuk makan. Maka makanlah yang lebih diutamakan.

¹³⁷ Beginilah tajuk bab yang terdapat di dalam Syarah an-Nawawi, Qadhi 'Iyaadh dan kebanyakan nuskah matan Sahih Muslim. Al-Itsyubi juga memakai tajuk yang sama. Tajuk yang dibuat as-Sanusi di sini ialah: باب الحياء من الإيمان (Bab Malu Adalah Sebahagian Daripada Iman). al-Ubbi membuat tajuk utknya begini: باب أحاديث الحياء (Bab Hadiths-Hadiths Tentang Malu). al-Qurthubi pula membuat tajuk begini: الإيمان شعب والحياء شعبة منها (Iman Itu Banyak Cabang-Cabangnya. Malu Adalah Satu Cabang Besar Daripadanya).

¹³⁸ Ada juga hadiths yang menyebutkan empat puluh cabang. Berbezanya bilangan ini kerana perbezaan riwayat-riwayat daripada para sahabat. Sesetengah 'ulama' pula mengatakan: pernyataan bilangan enam puluh atau tujuh puluh ini adalah untuk menyatakan betapa banyaknya

utama ialah ucapan لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dan yang paling rendah ialah membuang sesuatu yang menyakiti daripada jalan dan malu itu adalah satu cabang (besar) daripada iman.”¹³⁹

باب الأمر بالإيمان ثم بالاستقامة

*Bab Perintah Supaya Beriman Kemudian Berisiqamah.*¹⁴⁰

٣١- عَنْ سُفْيَانَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ التَّقْفِيِّ قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قُلْ لِي فِي الْإِسْلَامِ قَوْلًا لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا بَعْدَكَ وَفِي حَدِيثٍ

أَبِي أُسَامَةَ غَيْرِكَ قَالَ قُلْ آمَنْتُ بِاللَّهِ فَاسْتَقِمَّ

31- Sufyan bin `Abdillah Ats-Tsaqafi¹⁴¹ meriwayatkan, katanya: “(Pernah aku berkata kepada Rasulullah s.a.w.): “Wahai Rasulullah! Ajarkan kepadaku suatu perkara dalam Islam,¹⁴² yang mana aku tidak perlu lagi bertanya sesiapa pun tentangnya selepasmu.”¹⁴³ Dalam hadits Abi Usamah pula disebutkan: “selainmu”.¹⁴⁴ Jawab

cabang iman itu. Imam Baihaqi di dalam kitabnya Syu`abul Iman telah membuat kajian bahawa iman itu mempunyai 77 cabang. Qaadhi `Iyaadh pula setelah mencampurkan amalan-amalan yang dikira dan dikaitkan sebagai iman di dalam al-Quran dan hadits mengatakan ia mempunyai 79 cabang.

¹³⁹ Inilah bukti bahawa amalan itu tidak dapat dipisahkan daripada iman (ucapan) kerana ia adalah sebahagian daripada iman itu sendiri tanpa mengambil kira sama ada ia merupakan juzu' mukammil ataupun juzu' mukawwin kepada iman itu.

¹⁴⁰ Tajuk di atas ialah yang dibuat al-Itsyubi. Tajuk yang dibuat an-Nawawi dan Qadhi `Iyaadh di sini ialah: باب جامع أوصاف الإسلام (Hadits Yang Merangkumi Banyak Ajaran Islam). Tajuk yang dibuat al-Ubbi ialah: باب قوله قل لي في الإسلام قولاً (Bab Katanya: Ajarkan kepadaku Suatu Perkara Dalam Islam). As-Sanusi membuat tajuk begini di sini: باب الإيمان بالله تعالى والاستقامة (Bab Beriman Kepada Allah Dan Berisiqamah). Al-Qurthubi pula membuat tajuk begini: باب الاستقامة في الإسلام (Bab Berisiqamah Dalam Islam Dan Apakah Amalan Islam Yang Terbaik).

¹⁴¹ Beliau ialah Sufyan bin `Abdullah bin Rabi'ah bin al-Harits al-Tsaqafi, Kuniahnya ialah Abu `Amar atau Abu `Amrah. Sufyan bin Abdillah Ats-Tsaqafi memeluk agama Islam bersama-sama rombongan Tsaqif. Saiyyidina `Umar telah melantiknya sebagai pemungut zakat dan sedekah orang-orang Tha'if setelah `amil sebelumnya `Utsman bin Abi al-`Aash ditukarkan ke Bahrain. Kata Ibnu `Abdil Barr, beliau terbilang sebagai sahabat nabi yang tinggal di Tha'if. Sempat mendengar hadits Nabi s.a.w. dan meriwayatkannya. Mulla `Ali al-Qari berkata: Haditsnya (yang diriwayatkan di dalam kitab-kitab hadits) ada lima sahaja. Abu `Amar atau Abu `Umar al-Thaa'ifi.

¹⁴² Maksud Sufyan ialah suatu perkara atau ajaran yang jelas dan benar-benar merangkumi Islam selengkapnyanya, baik berkenaan dengan hukum-hakam, budi pekerti atau perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengannya. Atau suatu perkara yang dapat memenuhi semua sekali hak-hak dan tuntutan Islam.

¹⁴³ Ya`ni selepas engkau memberitahunya dan mengajarkannya kepadaku. Atau ia bererti sepeeninggalanmu.

¹⁴⁴ Kerana penjelasan Rasulullah s.a.w. itu sudah semestinya paling jelas dan paling lengkap.